



## SIARAN MEDIA

### PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) TERUS DIPERKASA DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

**PETALING JAYA, 26 Oktober 2024** - YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengurus Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) telah merasmikan **Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024** di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pagi ini.

Konvensyen yang berlangsung pada 26 hingga 27 Oktober 2024 ini adalah anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Ia merupakan **platform bagi penyampaian aspirasi Kerajaan Persekutuan dan medium wacana perkongsian ilmu serta amalan terbaik (best practices)** berkaitan penyelesaian isu-isu perbandaran dan perkongsian pengalaman dalam mengukuhkan peranan dan tanggungjawab PBT dalam pembangunan masa kini.

Konvensyen ini juga membuka ruang perbincangan merentas sempadan tiga (3) lapisan pentadbiran kerajaan untuk menyuarakan pandangan dan idea secara konstruktif berdasarkan kepelbagaiannya yang memfokuskan pengurusan perbandaran dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Bertemakan “**Sinergi MADANI, Perkuuh PBT**”, konvensyen ini mendukung kerjasama strategik dan integrasi di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang memfokuskan pembangunan bandar mampan, berdaya huni dan berdaya tahan.

Bersempena dengan majlis ini juga, turut diadakan **Majlis Pelancaran Inisiatif Pendigitalan PBT**. Inisiatif ini akan membantu pengurusan perbandaran dan operasi harian PBT melalui digitalisasi Sistem Penarafan Bintang PBT, pengurusan kutipan dan aduan daripada orang awam melalui **pengenalan aplikasi PBTPay dan penjenamaan semula aplikasi i-Tegur sebagai PBTCare**.

Antara pengisian konvensyen ini ialah **Sesi Town Hall bersama YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan** bagi membincangkan dan menangani isu-isu berkaitan PBT. Beliau turut menyampaikan **Anugerah Penarafan Bintang PBT Tahun 2024** kepada **sembilan (9) PBT cemerlang** dalam penilaian **Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024**. Ia telah dilaksanakan **sejak tahun 2008 melibatkan 153 PBT** di seluruh negara.

Penarafan Bintang PBT kali ini berbeza kerana hasil kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam (*Public Service Corruption Ranking – PSCR*) telah dijadikan sebahagian daripada kriteria penilaian. Kajian PSCR adalah kajian yang mengenal pasti tahap perlakuan rasuah perkhidmatan awam di PBT berdasarkan komponen yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru, **PBT yang cemerlang akan dipertimbangkan peruntukan tambahan** mengikut kategori pencapaian seperti iaitu **Tempat Pertama sebanyak RM1 juta, Tempat Kedua sebanyak RM500,000 dan Tempat Ketiga sebanyak RM300,000**.

Komponen lain dalam Konvensyen PBT kali ini ialah sesi *main stage* yang mempersembahkan pembentangan amalan terbaik melibatkan wakil dari Kementerian/ Agensi dan PBT. Sesi *mini stage* pula akan membincangkan topik "Sinergi Pelancongan di PBT". Sesi ini bertujuan sebagai platform pengenalan bagi PBT dan penggiat industri pelancongan terpilih untuk berkongsi idea dan inisiatif dalam memajukan sektor pelancongan tempatan dalam usaha meningkatkan daya tarikan ekonomi di kawasan masing-masing di samping memastikan pembangunan bandar yang lestari dan membawa impak positif kepada kehidupan masyarakat setempat.

Konvensyen kali keempat ini telah berjaya menghimpunkan seramai 2,000 orang peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan Kementerian/ Jabatan peringkat persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Datuk Bandar, Yang Dipertua, Presiden, Pengurus, Pengurus Besar, Setiausaha, Pegawai Kanan dan Ahli Majlis PBT, wakil industri, pemegang taruh dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Turut hadir ialah YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Dato' Ng Suee Lim, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan, Pelancongan ,Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor; YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg. Dato' Mohd

Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, KP KT.

Penganjuran Konvensyen PBT 2024 diharap dapat melonjak nilai tambah kepada semua warga pengurusan PBT seperti mewujudkan rangkaian hubungan (*networking*) dan Sinergi MADANI di peringkat tempatan dan antarabangsa atas dasar kesepakatan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkualiti kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP KT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KP KT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

